

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pelan jangka panjang Kementerian sekiranya penularan wabak pandemik COVID-19 ini berterusan dan angka kes meningkat sepertimana di beberapa buah negara di seluruh dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyedari hakikat kejadian pandemik COVID-19 ini dijangka akan berterusan untuk suatu tempoh masa yang agak lama dan masih tiada vaksin serta ubat bagi COVID-19.

2. Sebagai pelan jangka masa panjang, KKM sedang melaksanakan Kempen Pembudayaan Norma Baharu menggunakan pendekatan “Cegah dan Didik, Amal, Patuh dan Pantau.” Bagi memastikan pelaksanaannya, pelbagai pihak dilibatkan iaitu Klinik Kesihatan, Pejabat Kesihatan Daerah, Majlis Tindakan Daerah, NGO dan pemimpin-pemimpin komuniti dengan menggunakan strategi berikut:

- i. Pendidikan kesihatan kepada pelanggan/ komuniti di daerah;
- ii. Kenalpasti kumpulan berisiko tinggi;
- iii. Penglibatan Community Based Organisation (CBO) dalam promosi kesihatan seperti Panel Penasihat Klinik Kesihatan;
- iv. Survelan Influenza Like illness & COVID-19;
- v. Usaha advokasi;

- vi. Kenalpasti kumpulan berisiko tinggi mendapat dan menyebarkan jangkitan COVID-19;
- vii. Penguatkuasaan; dan
- viii. Memperkukuhkan pelaksanaan aktiviti pencegahan dan pengawalan.

3. KKM juga meningkatkan keberkesanan sistem pelaporan di mana setiap kejadian COVID-19 dilaporkan ke Pejabat Kesihatan Daerah yang berhampiran, *Crisis, Preparedness, and Response Centre* (CPRC) di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan juga CPRC Kebangsaan secara serentak. Proses pelaporan ini adalah penting kerana koordinasi dan kawalan kejadian COVID-19 dijalankan secara sistematik dan efektif di setiap peringkat.

4. KKM juga memperkenalkan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) bagi menjadikan rakyat Malaysia daripada semua peringkat agar sihat dari segi fizikal, mental dan sosial serta mengamalkan norma baharu kesihatan. ANMS ini menjadikan *health in all policies* sebagai keutamaan dengan menggunakan pendekatan *whole of government* dan *whole of society* melalui penglibatan semua kementerian, agensi kerajaan, swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti bagi memastikan pelaksanaan yang menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Dari segi perubatan, semenjak awal penularan COVID-19 lagi, KKM telah mengambil pelbagai tindakan untuk memastikan kelengkapan logistik, tenaga kerja, set kelengkapan pelindung diri, alat bantuan pernafasan dan katil untuk pesakit di hospital adalah mencukupi. Keperluan ini akan terus ditingkatkan mengikut keadaan dan keperluan semasa.

6. Bilangan hospital kerajaan yang memberi rawatan COVID-19 telah ditingkatkan dari 26 ke 47 buah hospital (45 hospital KKM, 2 hospital universiti) menjadikan jumlah katil khas di hospital untuk pesakit COVID-19 sebanyak 5,845 buah. Di samping itu Pusat-pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) juga telah dikenal pasti (jumlah keseluruhan sebanyak 82 buah PKRC) di setiap negeri bagi menambahkan bilangan katil. Pusat-pusat ini telah diaktifkan di semua

negeri dengan jumlah katil sebanyak 15,329 buah, menjadikan jumlah keseluruhan katil bagi merawat pesakit COVID-19 adalah sebanyak 21,174 buah katil.

7. KKM telah berusaha untuk mempertingkatkan keupayaan makmal COVID-19 di tahap optimum bagi menampung keperluan ujian COVID-19 di seluruh negara dan telah berjaya meningkatkan kemampuan ujian makmal RT PCR COVID-19 daripada 1,000 ujian sehari pada Januari 2020 kepada 59,485 ujian sehari (4 Disember 2020). Secara keseluruhannya, terdapat 62 buah makmal di seluruh negara yang boleh menjalankan ujian pengesanan COVID-19 secara *Reverse Transcription Polymerase Chain Reaction* (RT-PCR).

8. Set kelengkapan pelindung diri (PPE) telah dipertingkatkan dan mencukupi. Pemantauan terhadap keperluan PPE sentiasa dipantau secara harian bagi memastikan ianya sentiasa mencukupi. Penggantian peralatan perubatan usang dan penambahan peralatan perubatan baru di hospital-hospital KKM juga telah dilakukan antaranya; sebanyak 879 unit alat bantuan pernafasan baru telah dibekalkan. Alat bantuan pernafasan kini adalah mencukupi dan telah ditambah menjadikan jumlah keseluruhan adalah 1555 bagi seluruh negara.

9. Kerajaan juga telah meluluskan cadangan Projek MKA Sarawak. MKA Sarawak akan menjadi sebahagian daripada rangkaian MKA yang telah dikenal pasti mengikut zon di seluruh negara bagi menyediakan perkhidmatan makmal khusus untuk pengawalan dan pemantauan penyakit, penyiasatan wabak, keselamatan air dan makanan, persekitaran serta krisis kesihatan awam. (Perlu update from MKAK, Bhg Kawalan Penyakit).

10. Dengan usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan, KKM berharap setiap peringkat dan lapisan masyarakat juga memainkan peranan masing-masing dalam mengekang penularan jangkitan COVID-19 dengan mengamalkan kelaziman baharu dalam kehidupan seharian serta pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) seperti yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Sekian, terima kasih.